



**Manuscript Title:** Perkembangan Sukatan Pelajaran dan Kurikulum Tamil Sekolah Rendah di Malaya Sebelum 1947

**Authors:** Mohana Dass Ramasamy, Mageeswaran Sandaram, Sharifah Raihan Syed Jaafar

**Accepted Date:** 04-November-2021

**Please cite this article as:** Mohana Dass Ramasamy, Mageeswaran Sandaram & Sharifah Raihan Syed Jaafar. 2021. Perkembangan sukatan pelajaran dan kurikulum tamil sekolah rendah di Malaya sebelum 1947. *Kajian Malaysia* (Early view).

This is a provisional PDF file of an article that has undergone enhancements after acceptance, such as the addition of a cover page and metadata, and formatting for readability, but it is not yet the definitive version of record. This version will undergo additional copyediting, typesetting and review before it is published in its final form, but we are providing this version to give early visibility of the article.

**PERKEMBANGAN SUKATAN PELAJARAN DAN KURIKULUM  
TAMIL SEKOLAH RENDAH DI MALAYA SEBELUM 1947**

***DEVELOPMENT OF PRIMARY SCHOOL TAMIL SYLLABUS AND  
CURRICULUM IN MALAYA BEFORE 1947***

**Mohana Dass Ramasamy<sup>1\*</sup>, Mageeswaran Sandaram<sup>2</sup>, Sharifah Raihan  
Syed Jaafar<sup>3</sup>**

<sup>1</sup>Department of Indian Studies, Faculty of Arts and Social Sciences,  
Universiti Malaya, Kuala Lumpur, MALAYSIA

<sup>2</sup>Department of Indian Studies, Faculty of Arts and Social Sciences,  
Universiti Malaya, Kuala Lumpur, MALAYSIA

<sup>3</sup>Sustainability of Language Sciences Research Center (SOLS), Faculty of Social  
Sciences and Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, MALAYSIA

\*Corresponding author: rmohana\_dass@um.edu.my

**ABSTRACT**

Since the Tamil education in Malaysia has been formally established in Malaya around 1816, it has undergone various changes in terms of syllabus and curriculum before the country gained her independence in 1957, where the direction of education has changed towards the formation of the Malaysia Based Educational System. The development patterns and forms of syllabus and curriculum that have been the basis of the development of Tamil Malaysian education for almost 140 years before 1947 were not well explored due to lack of empirical research results and resources. Almost all existing literature describe the nature of this era failed in explaining the compositions of the syllabus and curriculum that were used in plain, by stating that Indian-continent based syllabus was adopted in that era. There were no proper studies that offer thorough explanation of the content and direction of the syllabus and curriculum of that time. Using the historiographical method, this study has delved into this need and listed the process and development of Tamil syllabus and curriculum that have been introduced for Tamil schools in Malaysia before independence. Descriptive qualitative method using descriptions and reporting were used to provide an explanation of the circumstances, events, changes, and developments that took place in the sector of Tamil education before 1947. The findings of the study were discussed through two main aspects; i) aspects of exploring the history of the development of Tamil education; and, ii) content analysis of the syllabus

components and curriculum of Tamil school education. The results clearly envisage the direction and the development of syllabus content and pre-independence curriculum. The finding is expected to be an important platform to know and understand the development of Tamil syllabus and curriculum education in the days before Malaysia gained her independence.

**Keywords:** Tamil Education in Malaysia, Development of Tamil Syllabus and Curriculum, British Era Tamil Education, Tamil Schools in Malaysia

## ABSTRAK

*Sejak Pendidikan Tamil di Malaysia mula bertapak di Malaya sekitar 1816 secara formal, coraknya telah melalui pelbagai perubahan dari segi sukatan dan kurikulum. Perubahan tersebut cukup jelas sejak negara mencapai kemerdekaan pada 1957, di mana hala tuju pendidikan telah diubah menjurus kepada pembentukan Malaysia Based Educational System. Namun, apa yang kurang jelas adalah perkembangan corak dan bentuk sukatan serta kurikulum yang telah menjadi dasar perkembangan pendidikan Tamil Malaysia selama hampir 140 tahun sebelum 1947. Perkara ini jarang diperbincangkan kerana kekurangan hasil kajian dan sumber empirikal untuk menjelaskannya. Hampir kesemua literatur yang beri penerangan terhadap era ini, tidak menjelaskan komposisi-komposisi tersebut dengan jelasnya. Secara amnya, ia menyatakan bahawa sukatan pelajaran ala negara India telah digunapakai dalam era tersebut. Ia tidak memberi penjelasan teliti terhadap kandungan dan hala tuju sukatan dan kurikulum zaman tersebut. Dengan menggunakan kaedah historiografi, kajian ini telah menyelami keperluan ini dan menyenaraikan susuralur proses dan perkembangan pembentukan sukatan pelajaran dan kurikulum bahasa Tamil bagi sekolah-sekolah Tamil di Malaysia sebelum kemerdekaan. Kaedah kualitatif berbentuk deskriptif yang menggunakan huraian dan pelaporan telah digunakan untuk memberi penjelasan tentang keadaan, peristiwa, perubahan, dan perkembangan yang berlaku dalam pendidikan Tamil sebelum 1947. Hasil dapatan kajian telah dibincangkan menerusi dua aspek utama; i) aspek penerokaan sejarah perkembangan pendidikan Tamil; dan, ii) penganalisan kandungan komponen sukatan dan kurikulum pendidikan Tamil sekolah. Hasil kajian dicapai dapat mendokumentasikan perkembangan halatuju perkembangan kandungan sukatan dan kurikulum zaman pra-kemerdekaan. Ia dijangka bakal menjadi wadah penting untuk mengetahui dan memahami perkembangan pendidikan sukatan dan kurikulum Tamil zaman sebelum kemerdekaan Malaysia.*

**Kata kunci:** Pendidikan Tamil di Malaysia, Perkembangan Sukatan Pelajaran dan Kurikulum Tamil, Pendidikan Tamil Era British, Sekolah Tamil di Malaysia

## **PENGENALAN**

Perkataan Kurikulum<sup>1</sup> berhubung rapat dalam pembentukan hala tuju sistem pendidikan sesuatu negara. Sejak negara mencapai kemerdekaan, hala tuju kurikulum pendidikan negara telah dipinda beberapa kali supaya ia menjurus kepada pembentukan negara bangsa dalam acuan tersendiri dan berupaya menyelami cabaran-cabaran dalam pengajaran dan pembelajaran alam abad ke-21. Dalam konteks ini, sejarah perkembangan kurikulum bagi kesemua subjek utama adalah jelas. Ishak Ramly (2005) menyatakan bahawa perkembangan pendidikan di Malaysia bukanlah perkara baharu yang diusahakan setelah negara mencapai kemerdekaan tetapi ia merupakan kesinambungan yang diwarisi dari zaman pemerintahan British dan kuasa-kuasa kolonialisme lain dari Eropah. Corak perkembangan ini sebenarnya mempunyai hubungan rapat dengan sejarah pemerintahan British. Dalam konteks ini, melihat dan menilai pada kandungan dan konteks kurikulum era pemerintahan bakal membantu mengenal sejarah kesinambungan, dan hala tuju serta matlamat pendidikan ketika itu. Atas dasar ini, makalah ini mengkaji dan menilai beberapa sumber asal yang kurang disentuh dalam usaha mengenali sejarah perkembangan kurikulum pendidikan Tamil, khususnya pada era pemerintahan British.

Sejarah perkembangan pendidikan Tamil merupakan bidang kajian popular dalam kalangan penyelidik, tetapi pengkaji zaman tersebut jarang beri perhatian serius kepada perkembangan kurikulum. Kajian-kajian ilmiah N.S. Rajendran (2011), Subramani (2018), Utaman (2009), Vengadesan (1987), Dass (1972), Kanthan (1979) dan dokumen KPM (2016) adalah antara beberapa usaha yang memberi gambaran mendalam terhadap perkembangan sektor pendidikan di Malaysia, di mana kesemua kajian tersebut akur bahawa pendidikan Tamil di Malaysia telah bermula sejak lama sebelum kedatangan kuasa-kuasa imperialis ke Tanah Melayu, dan ia terus berkembang dalam zaman kolonialisme Portugis, Belanda dan British.<sup>2</sup> Namun begitu, permulaan pendidikan Tamil secara formal di Malaysia biasanya diperkaitkan dengan pembukaan sekolah *Penang Free School* pada 1816 (Dass, 1972,; Marimuthu, 2010). Hampir 110 tahun kemudian<sup>3</sup>, kemudahan itu mula dinikmati oleh masyarakat India jelata di kawasan perladangan secara berperingkat, berikutan dengan pengenalan Kod Buruh 1912 dan Enakmen Kod Buruh 1923. Bilangan sekolah Tamil pada 1920<sup>4</sup> dianggarkan berjumlah 122 buah sekolah. Bilangan ini kemudiannya meningkat kepada 235 buah sekolah pada 1925 dan 333 buah sekolah pada 1930. Seterusnya, bilangan sekolah Tamil mencecah 535 buah sekolah pada 1938 (S.Subramani, 2018:9-35) dan mencapai angka 888 buah sekolah (N.S.Rajandren, 2006) pada 1957. Namun, perangkaan negara (1956;1960:7;1970-1980) menyatakan bilangan adalah 938 pada 1956.<sup>5</sup> Kini, terdapat 525 buah sekolah Tamil di Malaysia, yang kewujudannya telah diperkasakan berdasarkan kepada beberapa dasar dan laporan seperti Laporan Razak 1956, Laporan Rahman Talib 1960, Laporan

Kabinet 1979 dan Akta Pendidikan 1996. Kesemuanya telah menjadi faktor kepada kewujudan dan perkembangan pendidikan bahasa Tamil di Malaysia sehingga kini (Saraswathi 2003; Thamilanban, 2011).

Disebabkan oleh dasar tidak campur tangan yang dipraktikkan oleh British,<sup>6</sup> (Mior Khairul, 2011) sistem pendidikan tidak dipentingkan, malahan telah diabaikan dalam era pemerintahan British. Orang-orang Melayu diberikan pendidikan sehingga sekolah rendah sahaja melalui pembinaan sekolah-sekolah rendah vernakular sejak pertengahan abad ke-19 (Rudner, 1977). Masyarakat India turut menghadapi nasib yang hampir sama. Dasar British terhadap sistem pendidikan ketika itu menyebabkan sekolah vernakular Tamil dibina oleh tuan ladang. Kaum India telah diberi peluang mengikuti pendidikan vernakular Tamil secara terhad. Malahan, sekolah vernakular Cina mendapat keistimewaan di bawah pemerintahan British, di mana pelajar-pelajar kaum Cina diberi pendidikan sepenuhnya hingga ke tahun 3 di peringkat sekolah rendah. Kemudian mereka diberi peluang melanjutkan pengajian di peringkat *junior middle school* selama 3 tahun, dan di peringkat *senior middle school* selama 3 tahun (Maniyarasan, 2007). Tahap tertinggi pendidikan sekolah vernakular Tamil sebelum kemerdekaan adalah sehingga darjah 3 atau 4 sahaja. Setelah itu, tiada pergerakan mobiliti sosial melalui pendidikan (sungguhpun fenomena mobiliti sosial turut dipengaruhi oleh faktor-faktor sosial dan ekonomi yang lain) dan ini menyebabkan kaum India keluar mencari pekerjaan di ladang untuk membantu menyara kehidupan keluarga (Jamil Ahmad, 2008).

Pengenalan Kod Buruh 1912 dan Enakmen Kod Buruh 1923 telah memberi impak kepada penubuhan sekolah-sekolah Tamil (SST) di kawasan ladang, khususnya di kuil, kawasan kilang, pusat asuhan kanak-kanak, dan juga di asrama pekerja ladang. Laporan Tahunan Pendidikan di Negeri-Negeri Persekutuan menyatakan bahawa sebanyak 93 buah sekolah vernakular Tamil telah menerima bantuan gran beroperasi dari British sebanyak \$21,162 pada awal tahun 1923. Pada tahun yang sama, seramai 40 murid dikatakan lulus Peperiksaan Tamat Sekolah. Laporan itu, turut menyatakan bahawa perjalanan sekolah-sekolah vernakular Tamil adalah memuaskan dengan adanya kemudahan infrastruktur yang baik. Walau bagaimanapun, masalah guru-guru tidak terlatih yang terdapat di sekolah-sekolah vernakular Tamil masih wujud (Supplement to the F.M.S. Government Gazette, July 1924).

Kedudukan sebenar sekolah-sekolah Tamil di Malaya pada 1923, iaitu selepas adanya Enakmen Kod Buruh, adalah seperti di bawah.

Negeri	Perak	Selangor	Negeri Sembilan	Pahang	Jumlah
Bilangan	23	125	89	1	237

Nota: Supplement to the F.M.S. Government Gazette (July 1924)

Justeru itu, wajarlah Enakmen 1923 dijadikan paras untuk mengkaji sumbangan British dalam perkembangan pendidikan Tamil sebelum kemerdekaan di Malaya.

Dikatakan bahawa terdapat empat kategori guru yang direkrut untuk mengajar di sekolah Tamil. Mereka adalah iaitu guru tetap yang kurang berpengetahuan dalam bahasa Inggeris, guru tetap yang mempunyai pengetahuan bahasa Inggeris (India dan Sri Lanka), guru sambilan yang berpengetahuan bahasa Inggeris, dan yang keempat ialah pekerja staf yang bekerja di ladang seperti kerani, staf, dan tandal yang mengajar pada masa lapang di sekolah Tamil (Utaman Raman, 2009). Disebabkan masalah bilangan guru terlatih yang tidak mencukupi, tahap kualiti pendidikan Tamil berada pada tahap kurang baik. Sehubungan dengan itu, kerajaan British telah mewajibkan pengusaha ladang untuk melantik seorang guru tetap di sekolah bagi menggantikan guru-guru tidak terlatih dan bersifat sementara. Bagi memenuhi seruan tersebut, pengusaha ladang telah merekrut guru dari India yang memiliki kelayakan dalam bidang perguruan untuk menjadi guru di sekolah Tamil di ladang. Namun begitu, statistik menunjukkan bahawa daripada lapan ratus orang guru, lebih kurang dua ratus orang guru sahaja yang memiliki sijil perguruan dan berkhidmat di sekolah Tamil pada ketika itu (Sandhu, 1969).

Perkembangan sekolah-sekolah Tamil di Malaysia turut disokong dengan perkembangan sukatan pelajaran dan kurikulum dari masa ke semasa. Kajian-kajian yang sedia ada jarang memberi penerangan menyeluruh terhadap perkembangan kurikulum pendidikan Tamil sebelum 1947. Jarang sekali kajian-kajian tersebut memberi penerangan ataupun maklumat terperinci mengenai corak dan komposisi kurikulum dan corak pentaksiran yang dipraktikkan dalam era tersebut. Kajian-kajian seperti Dass (1972), Kanthan (1979), Vengadesan (1987), N.S. Rajendran (2008), Subramani (2018) menyatakan bahawa, secara amnya, sukatan pelajaran India (Tamil Nadu) dalam bentuk buku dan majalah telah diguna pakai dalam era ini. Penerangan jelas mengenai sumber dan konteksnya di dalamnya tidak diberi. Samadhilingam (2006) yang mengkaji sumbangan masyarakat Jafna dalam pembangunan Malaya pula menyatakan kurikulum dari Sri Lanka juga digunakan dalam sekolah pada ketika itu. Ketidaksungguhan pihak British untuk membangunkan pendidikan Tamil, termasuk sukatan pelajaran dan kurikulum pendidikan Tamil dan kepelbagaian kelemahan yang telah diperjelaskan menunjukkan bahawa pendidikan Tamil dalam era British dipenuhi dengan dengan kekurangan.

Namun, kedudukan ini mula berubah pada 1920-an khususnya dari segi hala tuju sukatan pelajaran dan kurikulum pendidikan Tamil. Namun, kajian-kajian yang sedia ada juga kurang memberi penelitian jitu dan jelas berkaitan kandungan atau sumber yang digunakan pada ketika itu. Kebanyakan pengkaji telah memberi

ilustrasi umum berdasarkan kepada pengalaman dan sejarah silam yang dilalui. Kajian empirikal memerihalkan bentuk kurikulum zaman tersebut masih belum dijalankan.

Penggubalan dan pembentukan kurikulum di Malaysia didasari oleh sistem pendidikan di Malaysia bermula dengan sistem pendidikan ala Barat melalui penjajahan Portugis, Belanda, dan Inggeris (Ishak Ramly, 2005). Dari segi kurikulum mahupun sukatan pelajaran, Kurikulum Lama Sekolah Rendah (KLSR), yang dibentuk sebaik sahaja negara mencapai kemerdekaan, menekankan kaedah-kaedah pengajaran dan cara-cara penilaian individualistik, ianya telah disusun kepada satu kurikulum bahasa yang dikemaskini selaras dengan bahasa-bahasa lain seperti bahasa Melayu dan bahasa Inggeris (Kulandasamy.R, 1990). Kulandasamy menyifatkan perubahan ini sebagai satu perubahan paradigma yang menakjubkan. Ini menandakan transformasi kurikulum bahasa Tamil telah berubah daripada '*Indian Based*' kepada '*Malaysian Based*'. Akan tetapi, kandungan dan intipati sukatan dan kurikulum '*Indian Based*' yang telah dipopularkan oleh British secara tidak langsung masih tidak dipelopori dengan jelas.

Justeru itu, makalah ini bertujuan untuk memberi penjelasan terhadap hala tuju perkembangan sukatan dan kurikulum pendidikan Tamil sebelum 1947 di Malaya. Ia bakal diatasi dengan mengumpul data, menganalisis dan memperincikan keperluan tersebut menggunakan sumber primer yang jarang disentuh. Perkembangan sukatan pelajaran dan corak pentaksiran yang menjadi dasar asas perkembangan kurikulum telah dikaji berdasarkan 3 era perkembangan yang berbeza, iaitu;

1. Perkembangan Kurikulum dalam era sebelum Pengenalan Enakmen Kod Buruh 1923
2. Perkembangan Kurikulum dalam era selepas Pengenalan Enakmen Kod Buruh 1923
3. Perkembangan Kurikulum dalam Zaman Penjajahan Jepun

Hasil dapatan kajian ini dijangka bakal membantu untuk menelusuri perkembangan pendidikan dan kurikulum Tamil di Malaya. Ia akan membantu menghalusi secara mendalam kedudukannya yang sebenar dalam sejarah perkembangan pendidikan di Malaysia, dan hasil dapatan kajian ini dijangka akan menjadi panduan dan gambaran sebenar dalam mengenali perkembangan tersebut, khususnya bagi era sebelum kemerdekaan. Kajian ini juga bakal memberi peluang untuk meninjau keunikan komponen-komponen sukatan pelajaran dan kurikulum Tamil zaman tersebut buat pertama kali.

## **PERKEMBANGAN PENDIDIKAN TAMIL SEBELUM KEMERDEKAAN**

Permulaan pendidikan Tamil pada peringkat awal secara tidak formal biasanya dikaitkan dengan ‘sekolah pondok’ (Tinnai Palli). Biasanya ‘sekolah pondok’ dijalankan di *varendah*<sup>7</sup> rumah pendeta kuil di kawan perladangan. Bilangan pelajar yang terlibat dalam *thinnai palli*<sup>8</sup> adalah sedikit kerana melibatkan kanak-kanak yang menetap di sekitar sebuah ladang manakala *pusari* kuil ataupun *aiyer* pula berperanan sebagai guru (Dass, 1972). Sistem pendidikan tidak formal ini tidak menggunakan sebarang kurikulum tetap. Tujuannya adalah untuk memberi latihan menulis, membaca dan mengira kepada sesiapa yang mengikutinya. Para pelajar diajar menggunakan jari sebagai alat tulisan untuk menulis dan tapak berpasir pula digunakan sebagai bahan tulisan (Nadeson 2011; Zainal Abidin Zainuddin & Afrinaleni Suardi, 2011).

Para pengajar tidak menggunakan sukatan pelajaran tertentu. Kurikulum implisit digunakan dengan matlamat untuk mempertahankan tradisi dan budaya tanah kelahiran mereka dari India, dan ia dapat dikekalkan dan diwarisi oleh generasi muda walaupun mereka berada jauh di perantauan (Abdullah Sani, 2005). Buku-buku rujukan hanyalah dalam bilangan yang amat sedikit kerana dibawa bersama oleh guru ketika datang dari India (Kanthan, 1979). Menurut Kanthan, pelajar diberi peluang untuk menulis di atas *olai*<sup>9</sup> iaitu daun lontar setelah mereka pandai menulis di atas pasir. Para guru separuh masa ini yang akan menentukan sukatan dan kurikulum yang digunakan untuk pengajaran dan pembelajaran (P&P) pada ketika itu.

Sejarah pendidikan formal Tamil di Malaysia sering dihubungkan dengan permulaan sekolah Inggeris pertama, *Penang Free School* (PFS) yang ditubuhkan atas usaha Rev. R. S. Hutchings di Tanah Melayu dengan bantuan Syarikat Hindia Timur Inggeris pada 21.10.1816 (Dass, 1972). Bahasa Tamil diajar sebagai salah satu mata pelajaran di PFS, di mana kelas bahasa Tamil mula dianjurkan sejak 21.10.1821 (Thompson & Adloff, 1970). Namun demikian, kelas tersebut terpaksa ditutup selepas dua tahun pembukaannya, iaitu pada 1823 kerana tidak mendapat sambutan daripada masyarakat Tamil. Kemudiannya, pengoperasian kelas bahasa Tamil dimulakan sekali lagi pada 1834 di *Singapore Free School*. Namun begitu, situasi yang sama berulang di Singapura yang menyebabkan pihak British tidak berpuas hati terhadap keberkesanan pendidikan Tamil kepada pelajar, di mana ia turut dihentikan pada 1836 (Netto, 1961). *Singapore Institution* yang memulakan pendidikan Tamil pada 1839 turut mengalami kegagalan. *Anglo-Tamil School* di Melaka telah ditubuhkan pada 1850 telah beroperasi selama sepuluh tahun turut memberi pendidikan Tamil dan Inggeris (Netto, 1961,; Karthegees, 2005). Pada masa yang sama, terdapat beberapa buah sekolah Tamil yang ditubuhkan di Singapura. Antaranya adalah



*St. Francis Xavier's Malabar School* pada 1859, *Christopher Morrayapa Pillay's Tamil School* pada April 1862, dan juga *Tamil School of The Ladies' Bible and Tact Society* pada 1862. Disebabkan sambutan dingin serta kekurangan bilangan pelajar di SST, kerajaan British mengambil keputusan untuk menyelitkan mata pelajaran bahasa Tamil di sekolah-sekolah yang bukan beraliran Tamil seperti di *St. Francis Xavier Malabar School* (Singapura) dan di Tarangera (Melaka). Kesemua sekolah ini adalah sekolah persendirian yang telah diambil alih oleh kerajaan British akibat daripada kekangan kewangan dan masalah pentadbiran yang dialami dalam pentadbiran dahulu (Abu Zahari, 1984). Sekolah-sekolah ini berorientasikan konsep dwibahasa iaitu penggunaan bahasa Inggeris dan bahasa Tamil yang telah diwujudkan sejak tahun 1850-an, iaitu pendidikan Inggeris diajar pada sesi pagi manakala pendidikan Tamil pula diajar pada sesi petang. Selain daripada penekanan diberi kepada bahasa dan kesusasteraan, perkara-perkara lain tidak diberi penekanan mendalam (Arasaratnam, 1979; Samadhilingam, 2006). Sekolah swasta ini mengenakan yuran kepada pelajar yang ingin mempelajari pendidikan Tamil (Arasaratnam, 1979).

Kajian-kajian lain seperti Kumaran (2010), Subramani (2016), dan yang lain merupakan kajian-kajian yang telah menggunakan sumber sekunder untuk memberi susur-galur perkembangan pendidikan Tamil di Malaysia. KPM (2015) merupakan sebuah manual komprehensif yang memberi gambaran sepuh mengenai sejarah, lokasi, dan kedudukan semasa 524 buah sekolah Tamil yang wujud di Malaysia pada masa kini. Selain itu, terdapat juga beberapa kajian yang telah memberi perhatian kepada sukatan pelajaran, kurikulum dan penggunaan BT di Malaysia.

Kajian Utaman (2009) menyatakan dari tahun 1922 hingga 1942, beberapa kakitangan kerajaan British India telah dilantik untuk memantau dan melaporkan isu-isu sosial serta ekonomi masyarakat India di Tanah Melayu. Antaranya adalah D. Arulanandam Pillai (1923), R. Subbayya Naidu (1926), M. Kunhiraman Nair (1930), K.A. Mukundan (1933), C.S. Venkatachar (1937) dan Subimal Dutt (1941). Mereka sering mengungkit isu-isu seperti tempat tinggal, tenaga buruh, kesihatan dan isu pendidikan Tamil yang dihadapi oleh masyarakat India di Malaya. Isu kekurangan guru terlatih, infrastruktur yang tidak lengkap dan kewangan tidak mencukupi merupakan antara beberapa perkara yang disentuh dalam laporan mereka. Kajian ini juga tidak memberi penerangan mendalam terhadap perkembangan kurikulum pendidikan Tamil.

Daripada sorotan kajian lepas, dapat dirumuskan bahawa tiada kajian sebenar yang pernah mengkaji persoalan hala tuju sukatan pelajaran dan kurikulum pendidikan Tamil seperti mana ditelusi dalam kajian ini. Kajian-kajian yang sedia ada menurus kepada permasalahan tertumpu atau secara am. Ini membuktikan bahawa terdapat kelompangan kajian yang perlu diatasi.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini telah menggunakan kaedah penyelidikan sejarah (historiografi). Kaedah ini telah digunakan terutamanya dalam penggunaan sumber-sumber utama seperti laporan pejabat kolonial Colonial Office (C.O) dan Laporan Tahunan dari Negeri-Negeri Selat berkaitan pendidikan. Sumber-sumber perpustakaan dan arkib termasuklah sumber arkib, buku, jurnal, disertasi, tesis, dan keratan akhbar. Beberapa buah perpustakaan dan arkib seperti Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Za'ba, Universiti Malaya, Perpustakaan Utama Universiti Kebangsaan Singapura, Perpustakaan PFS, dan Arkib Negara telah dikunjungi untuk mendapatkan maklumat dan data. Kaedah ini berperanan untuk meneroka keadaan, peristiwa, perubahan, dan perkembangan yang berlaku dalam perkembangan pendidikan Tamil dan kurikulum sebelum 1947.

## **PERKEMBANGAN KURIKULUM PENDIDIKAN TAMIL**

Dalam bahagian ini, sumber-sumber yang sedia ada, khususnya berkaitan dengan hala tuju sukatan pelajaran dan kurikulum bahasa Tamil diselami untuk memberi gambaran sebenar kedudukannya dan perkembangannya. Penerangan telah diberi secara urutan kronologi.

## **PERKEMBANGAN KURIKULUM DALAM ERA SEBELUM PELAKSANAAN ENAKMEN KOD BURUH 1923**

Kanthan (1979) merupakan sebuah sumber terawal yang beri gambaran kedudukan pendidikan Tamil di Malaysia. Sebuah artikel ilmiah Vengatesan (1987) turut memberi penerangan terhadap kedudukan pendidikan zaman tersebut. Kedua-dua sumber memberi pandangan terhadap kedudukan pendidikan zaman awal, di mana institusi sekolah yang sebenar tidak wujud kerana pemerintah British mahupun pengusaha ladang dikatakan tidak langsung menghiraukan isu pendidikan masyarakat ladang. Oleh sebab itu, usaha ini telah dipelopori oleh beberapa aktivis sosial semasa seperti Arumugam Pillai (Penang), K.Thampusamy Pillai (Kuala Lumpur) and Veerasamy (Sungai Siput) dan sebagainya dengan pembinaan sekolah serta orang perseorangan yang mempunyai keupayaan membaca, menulis dan mengira dalam bahasa Tamil. Pengajaran mereka dikatakan jarang didasari sebarang sukatan mahupun hala tuju sebenar. Ia tidak menggunakan sebarang kurikulum tetap. Para pelajar diajar menggunakan jari sebagai alat tulisan untuk menulis dan tapak berpasir pula digunakan sebagai bahan tulisan (Nadeson 2011; Zainal Abidin Zainuddin & Afrinaleni Suardi, 2011).

Kerangka sukatan yang jelas untuk pendidikan di Malaysia secara khusus, dan am untuk pendidikan Tamil dapat dilihat semasa penubuhan *Penang Free School* pada 1816. Di mana Rev. R.S. Hutchings telah menyarankan supaya pendidikan diberi secara percuma kepada anak-anak peladang yang berminat tetapi tidak terdaya untuk menjadikan mereka pekerja berkemahiran dalam bidang masing-masing. Ini dapat dilihat dari petikan berikut;

The children of ‘Malayan, Chooliah, and Hindustani parents,’ who were not desired to learn English, should be thought their own languages, and that, in addition to the ordinary elementary subjects of instructions, the children should “at proper ages be instructed in useful employments in Carpenters, smiths, shoemakers, tailors, bookbinders, etc. (Suggestion from Rev R S Hutchings, 1814) (Thompson & Adloff, 1970)

Petikan ini memberi jaminan bahawa pendidikan bahasa ibunda, aritmetik dan keagamaan akan diberi kepada para pelajar. Di samping itu, pendidikan vokasional juga diberi untuk menjadikan mereka menjadi petukang mahir dalam bidang-bidang pembuatan produk kayu, pembuatan peralatan besi, pembuatan kasut, penjahitan dan pambalutan buku dan sebagainya.

Dalam era selepas penubuhan PFS, sektor pendidikan mula berkembang maju, tetapi ia masih dibelengui kekurangan dari segi perancangan sukatan, kurikulum, persediaan guru-guru dan sebagainya. Pendidikan dikawal pihak swasta semata-mata. Guru-guru dipelawa dari negara Eropah dan Sri Lanka untuk bertugas di sekolah-sekolah tersebut (Samadilingam, 2001). Demikian, sukatan pelajaran dan kurikulum ditentukan oleh institusi-institusi berkenaan. Bahasa Tamil menjadi salah satu bahasa ibunda yang diajar di situ, khususnya kepada mereka yang berketurunan Jaffna Tamil dan mereka yang berada<sup>10</sup>. Boleh dikatakan bahawa pelajar-pelajar masyarakat peladang jarang menikmati kemudahan ini. Menurut Karthiges (2005), pada tahun 1850, Sekolah Anglo-Tamil di Melaka telah berfungsi sebagai sebuah sekolah dwibahasa yang menggunakan bahasa Tamil dan bahasa Inggeris dalam pengajaran. Dari segi kurikulum, N.S. Rajendran menyatakan bahawa sekolah-sekolah tersebut tidak mempunyai sukatan pelajaran atau kurikulum seragam yang digubal untuk mendidik kanak-kanak peladang. Sukatan pelajaran dan buku teks diambil dari negara India dan Sri Lanka serta pengajaran dan pembelajaran berorientasikan negara India dan Sri Lanka (Rajendran, 2006).

Kurikulum digunakan di sekolah-sekolah Inggeris agak berbeza. Marie Njanapragasam (1887) menyatakan bahawa terdapat juga perkara lain yang diajar dalam selitan mata pelajaran Bahasa Tamil. Di samping mata pelajaran Geografi, pelajar-pelajar juga diwajibkan belajar mata pelajaran *Navaretna Mali*.

*Navaretna Mali* yang memperihalkan kehebatan dan kekuasaan Gabenor Sir Frederick Aloysius Weld serta hal-hal yang berkaitan dengan agama Kristian (K.D. Marie Njanapragasam, 1887). Perkara ini menunjukkan bahawa tujuan pendidikan Tamil di sekolah Inggeris bukan semata-mata untuk memberi pendidikan kepada orang-orang India, malah juga berhasrat untuk mengekalkan dan menguatkan pengaruh mereka, khususnya menyebarkan agama Kristian. Pendidikan Tamil telah digunakan sebagai medium memenuhi tujuan dan matlamat mereka, secara tidak langsung.

Pendidikan era 1910an, mula memberi penekanan kepada penguasaan beberapa kemahiran tetapi komposisi konten dan keperluannya tidak dititikberatkan. Pelajar-pelajar sekolah vernakular era ini dipastikan menamatkan tempoh persekolahan selama 5 tahun dari, Tahun 1 hingga Tahun 5. Kemahiran seperti Bacaan, Penulisan, Matematik, Penulisan Karangan diberi kepada semua pelajar dari Tahun 1 hingga Tahun 5 dan Mata pelajaran Geografi dan Aritmatik juga diajar kepada mereka. Kemahiran penulisan esei dan Geografi diajar kepada pelajar Tahun 3, 4 dan 5. Difahamkan bahawa aspek-aspek yang diajar melalui kesemua mata pelajaran ini adalah berkaitan dengan masyarakat India Selatan dan Malaya. Dalam mata pelajaran Georafi pula, Semenanjung Malaya dan juga Geografi India Selatan diberi penekanan (Federated Malay, 1905), seperti mana ditunjukkan dalam Jadual 1.

Corak penilaian terhadap pendidikan Tamil buat pertama kali diberi penjelasan dalam era ini. Jadual di bawah menunjukkan keperluan pentaksiran yang disarankan untuk sekolah-sekolah vernakular Tamil.

Jadual 1: Peperiksaan darjah di sekolah-sekolah Tamil  
(Standart of examination in Tamil vernacular schools)

SUBJECT	STANDART I	STANDART II	STANDART III	STANDART IV	STANDARTV
<b>READING</b>	To read correctly two or three lines from any approved book not previously studied, equal in difficulty to the first book of Lessons.	a. To read correctly a few lines from any approved book not previously studied, equal in difficulty to the first book of Lessons. b. To answer simple	a. To read with ease and correctness a few lines from any approved book not previously studied, equal in difficulty to the second Book of Lessons. b. To answer	a. To read with ease and correctness a few lines from any approved book not previously studied, equal in difficulty to the Third Book of lessons ; and also from	a. To read and answer questions on the subject to matter comprised in a Book I. of the "Parchitantaram," and explain it in English or Malay. <b>(One only)</b>

		<p>questions on the meaning and subject matter of the second part of the First Book of Lessons, giving the equivalents of the commonest words in English or Malay.</p> <p><b>(One only)</b></p>	<p>questions on the meaning and subject matter of the lessons comprised in a portion previously prepared of the Second Book of Lessons, giving the equivalence of the commonest words in it In English or Malay.</p> <p><b>(One only)</b></p>	<p>any ordinary manuscript.</p> <p>b. To answer questions on the meaning and subject matter of lessons comprised in a portion previously prepared of the Third Book of Lessons.</p> <p>Increased facility in giving English or Malay equivalents.</p> <p><b>(One only)</b></p>	
<b>WRITING</b>	To transcribe in large hand, on slate, a short sentence from the Reading Book in use.	To write from dictation words out the Reading Book in use.	To write from dictation not more than four lines from a book equal in difficulty to the Second Book of Lessons.	To write from dictation a longer passage out of any books equal in difficulty to the Third Book of Lessons.	To write from dictation a passage of increased difficulty.
<b>ARITHMETIC</b>	Numeration, Notation and Addition to five numbers of not more than 3 digits. Multiplication table to 4 Times 12.	Notation to 100,000. Addition, Subtraction and Multiplication. Table extended to 12 times 12.	Notation to nine figures. First four rules, with long division, applied to abstract numbers or Straits or Indian currency.	Compound rules applied to British, Indian or Straits currency, and Straits Weights and Measures.	A simple rule of three simple problems. Conversion of Straits into Indian or British currency and vice versa.
<b>COMPOSITION</b>				To write a few lines in Tamil descriptive of some animal on which object lessons have been given with the pictures or diagram in view.	To reproduce the substance of a short and simple narrative which has been read through twice.

*Sukatan Pelajaran dan Kurikulum Tamil Sekolah Rendah*

<b>GEOGRAPHY</b>			First ideas of a map. Geography of the Malay Peninsula and Southern India.	Geography of Asia with special reference to India and the Malay Archipelago.	Geography of the world. Chief political and physical features only.
<b>OBJECT LESSONS</b>	The course of 20 object lessons illustrated by diagrams on the typical animals and food plants of the tropics and products of the Malay peninsula.		A similar course extended to 30 lessons illustrated by diagrams, pictures, or specimens and including a few of the substances employed in Arts and manufactures, or simple mechanical objects.		

Sumber: Federated Malay (1905)

Bagi aspek penilaian<sup>11</sup> sekolah vernakular Tamil pula, peperiksaan telah melibatkan kesemua pelajar iaitu dari Tahun 1 hinggalah Tahun 5. Kemahiran seperti Bacaan, Penulisan, Matematik, Penulisan Karangan dan Mata pelajaran Geografi juga telah diuji. Penilaian terhadap bacaan telah dijalankan bagi semua pelajar dari Tahun 1 hingga Tahun 5. Ia merangkumi bacaan ayat dan teks Tamil dan diikuti dengan sesi lisan menjawab soalan berdasarkan bahan yang dibaca sama ada dalam bahasa Inggeris atau bahasa Melayu. Penilaian mata pelajaran penulisan juga untuk diadakan bagi semua pelajar dari Tahun 1 hingga Tahun 5. Pelajar biasanya menulis imlak perkataan, imlak beberapa baris ayat, ataupun imlak petikan Tamil yang biasanya bergantung kepada tahap pendidikan pelajar. Mata pelajaran Aritmetik melibatkan penilaian operasi asas Matematik. Ia dijalankan untuk semua pelajar dari Tahun 1 hingga Tahun 5. Manakala peperiksaan bagi kemahiran penulisan esei pula hanya dijalankan untuk pelajar-pelajar Tahun 4 dan Tahun 5. Pelajar Tahun 4 dikehendaki mengarang berdasarkan bahan rangsangan yang diberikan dalam bahasa Tamil dan pelajar Tahun 5 pula dikehendaki mengarang cerita dalam bahasa Tamil. Peperiksaan mata pelajaran Geografi hanya dijalankan bagi pelajar Tahun 3, Tahun 4, dan Tahun 5. Aspek yang dinilai ialah geografi Semenanjung Malaysia dan juga geografi India Selatan (Federated Malay, 1905).

Era ini juga telah memperlihatkan langkah yang diambil oleh British dengan melantik pegawai untuk mengurus hala tuju pendidikan Tamil sekitar 1890an buat pertama kali. Namun, pegawai-pegawai yang dilantik oleh British bagi mengendalikan perjalanan SST telah gagal menunjukkan sebarang kemajuan kerana tidak memahami dan menguasai bahasa Tamil bagi mendalami selok-belok pendidikan Tamil. Perkara ini jelas dilihat dengan adanya permohonan bertulis yang dibuat oleh Pegawai Daerah Kuala Langat pada 27.6.1889 kepada Residen Selangor. Beliau menyeru residen supaya mendapatkan buku-buku dwibahasa asas pembelajaran bahasa Tamil-bahasa Inggeris, dan bahasa Inggeris-bahasa Tamil daripada sekolah Tamil di Singapura bagi kegunaan peribadi kerana berhadapan dengan masalah mengendalikan dan mentadbir SST (*Asks To Obtain Some Elementary Books On Tamil From The Tamil Schools Singapore,*

1889). Yang jelas dan tidak dinyatakan secara eksplisit adalah hasrat kerajaan British, di mana ia cuma menumpukan perhatian terhadap pendidikan Tamil sebagai salah satu strategi dalam menarik minat orang-orang India untuk bekerja di ladang dan pada masa yang sama mengekalkan orang-orang India yang telah berada di Tanah Melayu untuk terus menetap bagi tujuan memenuhi keperluan tenaga kerja dengan memberi kemudahan-kemudahan asas yang mereka perlukan (Arasaratnam, 1979). Pada masa yang sama tekanan juga mula diterima dari dalam dan luar negara melalui aktivis-aktivis sosial dan pergerakan-pergerakan sosial supaya pentadbir British di tanah jajahannya memberi pendidikan secara formal dan bertanggungjawab kepada masyarakat setempat.

Pada tahun 1912, hasil daripada Konferensi Residen Negeri-Negeri Melayu telah diusulkan Kod Buruh bagi memastikan Pengusaha ladang mewujudkan sekolah Tamil sekiranya terdapat lebih daripada 10 kanak-kanak dalam lingkungan umur 7 hingga 14 tahun di sesebuah ladang. Kerajaan British juga mula mengarahkan penyelia-penyelia sekolah untuk memantau dan mengambil tahu serta melaporkan perjalanan dan perkembangan SST di Tanah Melayu. Perkara ini dapat dilihat dalam dokumen lengkap laporan bertulis mengenai perjalanan sistem pendidikan sekolah-sekolah ladang Tamil di Perak pada 7.5.1915 oleh Penyelia Sekolah Taiping iaitu Sd.E.L.Summer dan Sd.M.B.Brookwell dan sekolah-sekolah ladang Tamil di Selangor pada 14.3.1915 oleh Penyelia Sekolah Selangor, Sd. David A.Bishop (*Hours Of Study Of Tamil Schools On Estates*, 1915). SST mula menawarkan pendidikan dari tahun 1 hingga 6 pada era ini. Namun begitu, kebanyakan sekolah hanya menyediakan pendidikan sehingga tahun 3 ataupun hingga 4 disebabkan kekurangan guru untuk mengajar bilangan kelas yang banyak. Manakala dari segi masa operasi sekolah Tamil, terdapat sesetengah sekolah bermula pukul 9 pagi hingga 12 tengah hari dan kemudian bersambung pada pukul 1 hingga 3 petang (*Hours Of Study Of Tamil Schools On Estates*, 1915) untuk mengatasi masalah logistik.

Secara ringkasnya, sukatan pelajaran pada era ini adalah menjurus kepada pengenalan latar belakang dan isu-isu negara India iaitu negara asal mereka. Lima kemahiran telah diberi kepentingan dan diuji dalam era ini adalah bacaan, penulisan, matematik, penulisan karangan dan geografi. Pendidikan Tamil yang difokuskan adalah lebih kepada penguasaan kemahiran membaca, kemahiran menulis, dan kemahiran mengira. Corak pentaksiran dalam era ini agak kabur kerana tidak menunjukkan pengiktirafan yang jelas tetapi lebih kepada sekadar menghafal fakta sahaja. Seseorang murid dinilai berlandaskan kepada kelancaran membaca, kecekapan menulis, dan kebolehan menghafal karya kesusasteraan serta epik Hindu. Situasi ini berterusan tanpa perubahan nyata dalam era seterusnya.

## **PERKEMBANGAN KURIKULUM DALAM ERA SELEPAS PELAKSANAAN ENAKMEN KOD BURUH 1923**

Kurikulum sekolah Tamil, khususnya sukatan pelajaran, era ini tidak menunjukkan banyak berbezaan dari era sebelumnya. Sekolah-sekolah Tamil mula menawarkan pendidikan dari tahun 1 hingga tahun 7. Kebanyakan sekolah di kawasan perladangan hanya menyediakan pendidikan sehingga tahun 3 ataupun hingga 4. Pelajar-pelajar cemerlang mula keluar dari sekolah-sekolah tersebut dan mula mengikuti sekolah rendah atas, di bandar-bandar berhampiran dengan ladang mereka. Era ini juga memperlihatkan penggunaan kurikulum yang hampir sama dengan era sebelumnya, iaitu pengkhususan diberi terhadap kemahiran-kemahiran bacaan, penulisan, matematik, penulisan karangan dan mata pelajaran geografi. Namun penambahbaikan telah dibuat dari perspektif lain.

Dalam era ini terdapat juga tekanan jelas diberikan oleh sukarelawan yang terlibat dalam pembukaan sekolah persendirian dan aktivis-aktivis sosial melalui pergerakan sosio-politik yang telah mula bertapak kuat di selatan India. Contohnya, kebangkitan Pergerakan Dravida diasaskan oleh E.V.Ramasamy dan perkembangan ideologi tersebut di Tanah Melayu bersama imigran India turut menekankan kepentingan pendidikan kepada anak-anak peladang, khususnya semasa lawatan beliau ke Tanah Melayu pada 1929 (D. Alagirisamy, 2016). Tekanan diterima dari luar dan dalam negara turut membawa perubahan dalam pendirian British terhadap pendidikan Tamil di Tanah Melayu.

Dalam era ini, kerajaan British juga telah melantik seorang *Inspector Of Indian School* pada 1930-an bagi menjadi urusan pentadbiran dan pelaksanaan sekolah-sekolah Tamil supaya ia beroperasi secara sistematis tanpa sebarang masalah. Malangnya, pegawai yang dilantik meninggal dunia tidak lama selepas perantaraan tersebut. H.L. Hodge, pegawai baharu dilantik telah menunjukkan minat yang telus dalam membangunkan taraf pendidikan Tamil. Beliau telah dihantar untuk mempelajari bahasa Tamil di *School of Oriental and African Studies* di London dan kemudiannya ke India untuk mendalami selok-belok sistem pendidikan Tamil, dengan harapan bahawa ia dapat diaplikasikan dalam sistem pendidikan Tamil di Tanah Melayu (*Provision In The Federal Estimates, 1936, For Appointment Of "Inspector Of Tamil School"*, 1936). Dengan adanya seorang penyelia khas untuk SST, masalah dan isu-isu yang berlaku di sekolah Tamil telah mula diberi perhatian yang sewajarnya oleh pihak kerajaan British. Berdasarkan minit mesyuarat Jabatan Pendidikan yang bertarikh 20.7.1932, dirumuskan bahawa Penyelia Sekolah Tamil dikehendaki ke SST sekurang-kurangnya 2 kali setahun untuk memastikan perjalanan sistem pendidikan di sekolah berjalan dengan lancar dan dapat menyakinkan para ibu bapa untuk terus menghantar anak-anak ke sekolah Tamil (*Yearly Examination Of The British Malaya Tamil School*, 1932).



Usaha H.L Hodge juga terserlah apabila beliau mencadangkan sukatan pelajaran bahasa Tamil, buat pertama kali untuk memberi hala tuju yang jelas. Beliau telah mencadangkan sukatan pendidikan Tamil bagi sekolah Inggeris yang merangkumi Set 1 hingga Set IV iaitu pembelajaran dari aras asas ke aras yang lebih tinggi pada tahun 1947 (*Syllabus For The Teaching Of Tamil In English Schools*, 1947).

Namun, sukatan pendidikan sekolah rendah mula mendapat hala tuju baharu pada akhir 1930an. Ia masih menekankan kemahiran-kemahiran asas seperti bacaan, penulisan, matematik, penulisan karangan dan mata pelajaran Geografi, sepertimana diberi dalam era sebelumnya. Ia diikuti sepenuhnya dalam era ini. Namun, era ini turut memperlihatkan subjek-subjek baharu diperkenalkan. Pengajian Atlas, Kebersihan, Permainan dan Latihan, Sejarah dan Sains adalah subjek baharu yang mula diselitkan dalam senarai subjek yang diajar di peringkat sekolah rendah. Penterjemahan dan tatabahasa adalah subjek tambahan disertakan di senarai sukatan pendidikan Tamil bagi sekolah Inggeris dalam era ini bagi Laporan Tahunan Jabatan Pendidikan Tanah Melayu 1940 oleh W.Linehan telah menyenaraikan senarai buku teks yang telah digunakan di SST sekitar tahun 1939 dan 1941 (*This Is The Annual Reprint Of The List Of Text Books Recommend For Tamil Schools*, 1939). Senarai tersebut dapat dilihat dalam jadual di bawah.

Jadual 2: Senarai Buku Teks Tahun 1939-1942

Mata Pelajaran	Senarai Buku Teks
Bacaan	Tahun 1 hingga Tahun 5 <ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Amirtha Vasagam</i></li><li>• <i>Sirivar Tamil Vasagam</i></li><li>• <i>Raja Marka Tamil Vasagam</i></li><li>• <i>New Model Tamilaga Vasagam</i></li><li>• <i>Nithila Vasagam</i></li><li>• <i>Arivu Vilaka Vasagam</i></li></ul> Tahun 6 dan ke atas <ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Tamil Nad Navina Vasaga Puttantal</i></li><li>• <i>Bala Vasagam</i></li><li>• <i>Kandan Vasagam</i></li></ul>

*Sukatan Pelajaran dan Kurikulum Tamil Sekolah Rendah*

	Bacaan Guru • <i>Balar Kalvi</i> (majalah guru)
Aritmetik	Rujukan Guru • <i>Malaya Kanitham Nool</i> (Tahun 1 hingga 6) • <i>Ilagu Kanitham</i>
Geografi	Rujukan Guru • <i>Hunters, Herdsmen, Cultivators, Robison Book</i> • <i>The First Year in Geography</i> • <i>Malaya Nadu Boomi Nool</i> • <i>Vernacular Atlas Geography Series</i> (Tahun 6)
Atlas	• <i>Oxford School Atlas</i> • <i>Indian Student Atlas</i> • <i>The Malayan Atlas</i>
Kebersihan	• <i>Sugathara Padangal</i> (Buku 1 & 2)
Permainan & Latihan Fizikal	• <i>Aramba Padasalai Villaiyaddugal</i> • <i>Book of Drill and Games</i> • <i>A Handbook of Modern Drill</i>
Sejarah	• Sejarah India • Sejarah Malayai
Sains	• <i>Pothu Gnana Sastram</i> (Buku I & II)

Sumber: Arkib Negara, 1939

Jadual 3: Sukatan Pendidikan Tamil di Sekolah Inggeris

SET I	SET II	SET III	SET IV
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bacaan</li> <li>• Imlak</li> <li>• Lisan</li> <li>• Penulisan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bacaan</li> <li>• Imlak</li> <li>• Lisan</li> <li>• Penulisan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bacaan</li> <li>• Penulisan</li> <li>• Penterjemahan</li> <li>• Tatabahasa</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bacaan</li> <li>• Penterjemahan</li> <li>• Penulisan</li> <li>• Lisan dan Perbincangan</li> </ul>
Buku Rujukan:	Buku Rujukan:	Buku Rujukan:	Buku Rujukan:
<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Amirtha Vasagam</i> (Buku I &amp; II)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Amirtha Vasagam</i> (Buku III)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Tamil Reader V</i> (Ramanujachari)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Middle School Reader I</i></li> <li>• <i>Panchathanthiram I &amp; II</i></li> </ul>

<ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Athi Sudi</i></li><li>• <i>Konrai Venthan</i></li></ul>	<p>&amp; IV)</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Nalvali (Ouwai)</i></li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Sittrilakkanam</i></li><li>• <i>Nalladiar</i></li><li>• <i>Vakkundam</i></li><li>• <i>Thirukkural</i></li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Rendavathu Ulaga Maha Yuttam</i></li></ul>
--	---	--	---

Sumber: Arkib Negara, 1947

Jadual-jadual di atas menunjukkan komposisi kandungan sukatan sekolah Tamil yang jelas. Ia juga merupakan kali pertama komposisi ini dikenalpasti secara jelas. Kandungannya menunjukkan bahawa ia menjurus kepada memperkasakan bahasa dan pemahaman kesusasteraan. Namun begitu, kandungannya masih lagi beroentasikan benua India. Sebaliknya, hampir tiada sukatan pelajaran dan kurikulum pendidikan Tamil era ini masih memberi penekanan kepada ilmu dan domain tempatan. Jelasnya, perkembangan pendidikan Tamil telah mengambil jangka masa hampir satu dekad untuk mendapat bentuk dan hala tuju sebenar. Namun, ia masih bertujuan untuk memastikan masyarakat India diberi pendidikan berdasarkan *Indian Based Curriculum*, sebenarnya. Tetapi, ia tidak bertahan lama kerana pada 1941 negara telah jatuh ke tangan pemerintahan Jepun.

## **PENDIDIKAN TAMIL PADA ZAMAN PEMERINTAHAN JEPUN**

Dasar pemerintahan dan bentuk pendekatan Jepun semasa penjajahannya di Malaya selama 3 tahun 8 bulan iaitu dari 1941 hingga 1945 telah memberi impak cukup besar terutamanya dalam aspek pendidikan. Sistem pendidikan yang diperkenalkan oleh Jepun adalah berbeza dengan sistem pendidikan British kerana Jepun berhasrat menggunakan pendidikan sebagai alat untuk mempengaruhi rakyat dan mendapatkan sokongan masyarakat Indian agar dapat menjadi kuasa politik, sekaligus menjadi yang terunggul dan berpengaruh di rantau Asia Timur (Abdul Rahman, 2011). Jepun telah menggubal dasar pendidikannya yang tersendiri di Tanah Melayu yang berteraskan dua perkara yang utama iaitu pendidikan berasaskan kemahiran dan pendidikan bagi menyemai semangat *seishin* bagi menggantikan sikap materialistik dan individualistik barat (Ahmad Sohaimi, 2013).

Secara ringkasnya, dasar pendidikan Jepun adalah bertujuan untuk menghapuskan pengaruh British dan menyerapkan pengaruh Jepun (Boon, 1983). Dasar digubal oleh Jepun merangkumi peringkat rendah, menengah, latihan guru, latihan kepimpinan, dan pendidikan kepada pegawai-pegawai kerajaan dan orang awam. Pada peringkat rendah, sekolah vernakular iaitu sekolah Melayu, sekolah Tamil, dan sekolah Cina dikekalkan dan mengubah statusnya kepada sekolah

awam. Manakala sekolah-sekolah Inggeris sama ada persendirian atau pun kerajaan telah ditutup bagi menghapuskan unsur barat di Tanah Melayu. Sistem persekolahan sedia ada telah tergendela kerana bangunan sekolah mengalami kerosakan akibat daripada serangan Jepun. Bagi memulihkan keadaan tersebut arahan telah dikeluarkan supaya pihak sekolah mendaftar dengan pihak berkuasa di tempat masing-masing. Persekolahan hanya dimulakan semula pada 1 Mei 1942 (Hairol Anuar, 2009).

Jadual 4: Kemasukan Pelajar ke Sekolah Rendah Tamil

Negeri	Sebelum Perang	Selepas Pendudukan Jepun	
		1943	1944
Johor	4860	406	1975
Negeri Sembilan	4503	3489	3141
Perak	10 442	8029	4642
Pulau Pinang	2300	3266	2869
Jumlah Pelajar	22105	15190	12627

Sumber: (Ahmad Sohaimi, 2013).

Walaupun pada dasarnya Jepun ingin menyusun semula sistem pendidikan, tetapi membuka semula sekolah, Jepun terpaksa meneruskan sistem vernakular yang diperkenalkan oleh British (Zeti Aktar, 2008). Namun begitu, pendidikan peringkat rendah yang diperkenalkan oleh Jepun adalah sama seperti yang diamalkan di negara Jepun iaitu dibahagikan kepada tujuh gred yang melibatkan pelajar umur dari enam tahun hingga tujuh tahun (Ahmad Sohaimi, 2013). Malangnya, sistem ini tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana pelbagai masalah timbul akibat daripada peperangan yang berlanjutan (Abdul Aziz, 1989).

Jadual 5: Pendidikan Rendah Semasa Pemerintahan Jepun

<b>Kelas</b>	<b>Umur</b>
Gred 1	6 hingga 8 tahun
Gred 2	7 hingga 9 tahun
Gred 3	8 hingga 10 tahun
Gred 4	9 hingga 11 tahun
Gred 5	10 hingga 12 tahun
Gred 6	11 hingga 13 tahun
Gred 7	13 hingga 14 tahun

Sumber : (Ahmad Sohaimi, 2013).

Sebanyak 8 mata pelajaran mula diajar. Ia termasuklah bahasa Jepun, nyanyian, hasil kraf tangan, latihan fizikal, ilmu hisab, lukisan, perkebunan, dan

pemahaman. Walau bagaimanapun, kebanyakan sekolah hanya memfokuskan kepada pengajaran bahasa Jepun, nyanyian, dan latihan fizikal kerana berhadapan dengan pelbagai masalah dan kekurangan. Walaupun pengajaran dan penggunaan bahasa Jepun amat dititikberatkan, Bahasa Melayu dan bahasa Tamil masih dibenarkan diajar sebagai bahasa sampingan (Abdul Rahim, 1983).

Matlamat dan hasrat Jepun tidak tercapai disebabkan beberapa masalah tidak diduga timbul. Antaranya adalah peperangan yang masih berlarutan, kekurangan guru terlatih, kehadiran pelajar yang kian merosot, buku teks dan peralatan yang tidak mencukupi, masalah kekurangan makanan serta penyakit yang merebak dalam kalangan rakyat turut menjejaskan sistem persekolahan pada zaman Jepun (Thilagavathy, 2006). Kadar bilangan sekolah yang dibuka semula selepas peperangan bagi ketiga-tiga jenis sekolah vernakular adalah agak rendah. Bagi sekolah Tamil secara khususnya sama ada sekolah awam mahupun persendirian, pengurangan sebanyak dua puluh tujuh peratus telah berkurangan iaitu dari 932 buah sekolah sebelum peperangan ke 680 buah sekolah selepas peperangan. Pengurangan berlaku dari segi bilangan sekolah dan juga bilangan pelajar pada zaman pendudukan Jepun menunjukkan bahawa pendidikan tidaklah menjadi suatu keutamaan pada masa tersebut (Krishanan, 1993).

Perkembangan sektor pendidikan selepas Perang Dunia Kedua menjadi tidak menentu. Pendidikan Tamil mula bangkit dalam era baharu menggunakan tradisi kurikulum yang dibentuk sebelum teretusnya Perang Dunia Kedua (Vengatesan, 1987). Pada masa yang sama, British mula melakukan proses penyusunan semula sistem pendidikan dalam usaha dekolonisasi. British mencadangkan supaya pendidikan yang seragam dilaksanakan sebagai langkah pembinaan negara bangsa di Persekutuan Tanah Melayu (Tan, 2010). Pada September 1949, Jawatankuasa Pusat Penasihat Pendidikan (JPPP) yang diketuai oleh M.R.Holgate telah ditubuhkan untuk mengkaji kesesuaian sekolah-sekolah vernakular. Laporan Holgate tidak mengugat kedudukan sekolah Cina mahupun sekolah Tamil.

## **KESIMPULAN**

Kajian ini adalah ikhtiar bagi mengetahui dan menelusuri serta memahami perkembangan hala tuju pendidikan Tamil di Malaya sebelum 1945, khususnya dari perspektif perkembangan sukatan dan kurikulum sekolah rendah. Pendidikan Tamil formal di Malaysia telah melalui 141 tahun sebelum ia menjadi sebahagian dalam dasar pendidikan negara semasa. Dalam tempoh ini, ia telah mengharungi pelbagai perubahan dan perkembangan selaras dengan keperluan semasa. Sungguhpun corak pendidikan semasa telah dimulakan dalam era pemerintahan British, perubahan dan perkembangan dialami dalam domain sukatan dan

kurikulum ketika itu adalah agak kabur. Namun, kajian ini telah memberi sumbangan untuk mengatasi kekurangan ini dengan memberi gambaran sejelas boleh terhadap perkembangannya menggunakan sumber primer yang jarang digunakan. Dapatan kajian memberi gambaran jelas perkembangan sukatan dan kurikulum dalam pendidikan Tamil di Malaya sehingga 1945.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa sukatan dan kurikulum pendidikan Tamil sebelum kemerdekaan telah memberi penekanan kepada ilmu bahasa dan kesusasteraan semata-matanya. Penekanan hanya diberi untuk mendidik anak muda supaya mereka dapat membaca, menulis dan menghayati dalam bahasa ibunda mereka. Di samping itu, matematik asas juga telah diajar. Bentuk penilaian dan pencapaian berdasarkan akademik tidak dititikberatkan dalam era ini. Selain dari memberi kemahiran asas ini, pendidikan Tamil dalam era tersebut tidak berusaha untuk membawa perubahan ketara dalam masyarakat India. Begitu juga dari segi persediaan tenaga pengajar. Sukatan dan kurikulum yang dibentuk menunjukkan tiada usaha murni dilihat untuk membentuk satu generasi berpendidikan yang berwibawa. Tidak keterlaluan untuk dikatakan bahawa British telah menggunakan bidang pendidikan sebagai salah satu 'alat tarikan' untuk menarik masyarakat India dari India selatan. Percubaan untuk memperkenalkan sukatan dan kurikulum seragam berhalakan *Indian Based Education* juga sebahagian daripada usaha tersebut dan British sebenarnya berjaya dalam usaha ini.

Kajian ini berjaya menunjukkan bahawa sukatan dan kurikulum pendidikan Tamil telah mengambil hampir 141 tahun untuk berkembang. Sebelum pelaksanaan enakmen kod buruh 1923 bentuk sukatan dan kurikulum adalah sekadar memenuhi keperluan semasa dan tidak didasari hala tuju yang jelas. Zaman selepas pelaksanaan enakmen kod buruh 1923, yang menjadi pemankin kepada pembukaan banyak sekolah rendah Tamil di kawasan perladangan, turut membawa kepada keperluan penentuan hala tuju 'sebenar' dalam bidang pendidikan Tamil yang menjadi realiti sekitar awal 1940-an.

Tidak dapat dinafikan bahawa kajian ini adalah satu-satunya hasil yang memberi gambaran sepenuhnya mengenai perkembangan sukatan dan kurikulum Tamil dalam sejarah perkembangan pendidikan Tamil di Malaysia, khususnya pada era pemerintahan British dan pendudukan Jepun. Hasil kajian terperinci diberi turut berupaya memberi impak bukan sekadar mengenali intipati sukatan dan kurikulum pendidikan Tamil sebelum 1945, tetapi juga berupaya mengubah hala tuju kajian-kajian bakal dibuat berkaitan dengannya dan berupaya menjadi bahan rujukan kepada para pengkaji lain yang berhasrat mendalami dalam bidang ini. Hasil kajian ini juga bakal membantu golongan intelektual menilai kedudukan pembangunan sukatan dan kurikulum Tamil dalam bidang pendidikan di negara kita dengan jelas. Akhir kata, kajian ini juga secara tidak langsung dapat

digunakan bagi memahami situasi sebenar pendidikan Tamil zaman kolonialisme dan menghayati 'realiti sebenar' bahawa pendidikan Tamil sebenarnya-benarnya telah mendapat nafas baharu dalam bentuk perubahan dan pembaharuan dalam sukatan pendidikan dan kurikulum seiring dengan perkembangan hala tuju pendidikan negara selepas 1957. Pencapaian semasa merupakan kesinambungan kerangka sebelum yang terbentuk dari hasil usaha dan perjuangan masyarakat India dan Cina yang berterusan terhadap pendidikan dalam bahasa vernakular.

## NOTA

1. Memberi definisi tepat kepada istilah 'kurikulum' bukanlah perkara yang mudah. Perkataan kurikulum itu berasal daripada bahasa Latin yang membawa maksud menjalankan kursus (Lovat (1998). Menurut Pinar (1995), (Beauchamp, 1975), kurikulum adalah dokumen yang menggambarkan kandungan, tujuan dan situasi pembelajaran. (Johnson, 1967), pula menyatakan kurikulum adalah suatu panduan arahan yang sudah dijangkakan. Marsh and Willis (2003) pula menyarankan bahawa ia seharusnya menekankan komunikasi antara guru dan pelajar sebab untuk mewujudkan kurikulum "hidup" (*lived curriculum*) yang bermakna.
2. Rujuk pada Danapaul Saveri Dass, 1972.
3. Subramani, 2018.
4. Dikatakan bahawa pada 1914 banyak sekolah Tamil dibuka di Negeri Selangor setelah perkenalan Kod Buruh pada 1912 (Supplement to the F.M.S. Government Gazette, July 1924)
5. Krishanan (1993) menyatakan bilangannya adalah 932 pada 1957.
6. Thambirajah (Thambirajah, 1978) menyatakan bahawa faktor-faktor seperti sosial, politik, dan ekonomi telah mempengaruhi kewujudan vernakularisme dalam sistem pendidikan yang dilaksanakan pada zaman pemerintahan British. Hasrat utama British ketika itu adalah menguasai perdagangan sumber galian dan bahan mentah seperti rempah-ratus, emas, dan biji timah, penerokaan ladang getah dan kopi serta menguasai laluan perdagangan Timur-Barat. Untuk mencapai hasrat ini, ia telah mempraktikkan dasar tidak campur tangan British di Tanah Melayu (Idris Jauzi, 1991).
7. Ia merujuk kepada bahagian halaman luar se-sebuah rumah yang beratap. Ruang ini biasanya digunakan untuk beristirehat.
8. Ibid.
9. Iaitu daun lontar yang dipetik daripada pokok palmrya yang dikering supaya ia dapat digunakan dalam urusan penulisan.
10. Masyarakat berketurunan Jaffna Tamil adalah migran dari Sri Lanka yang dibawa oleh British untuk mengisis kekosongan sedia ada dalam sektor kerajaan seperti kerani, Dresser dan sektor perkhidmatan. Masyarakat sering mengasingkan diri dari masyarakat India selatan di kawasan perladangan.
11. Federated Malay, 1905

## RUJUKAN

- Abdul Aziz, Z. 1989. *British, Japanese, And Independent Malaysia: A Memoir*. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara.
- Abdul Rahim, A. K. 1983. *Tanah Rezab Melayu: Hasrat Inggeris Ketiga Ketika Merancang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman, P. A.-H. 2011. *Looking Back: Monday Musings And Memories: The Historic Years Of Malaya And Malaysia*. Selangor: MPH Group Pub. Sdn. Bhd. and Star Publications (M) Bhd.
- Abdullah Sani, Y. 2005. *Mengurus Sekolah*. Pahang: PTS Publications & Distributors.
- Abu Zahari, A. B. 1984. *Perkembangan Pendidikan Di Semenanjung Malaysia: Zaman Sebelum Merdeka Hingga Ke Zaman Sesudah Merdeka*. Kuala Lumpur: Penerbitan Fajar Bakti.
- Ahmad Sohaimi, L. 2013. *Dasar dan kesan pendidikan Jepun di Tanah Melayu 1941-1945*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Alagirisamy, D. (2016). The Self-Respect Movement and Tamil Politics of Belonging in Interwar British Malaya, 1929–1939. *Modern Asian Studies*, 50(5), 1547-1575. doi:10.1017/S0026749X14000304
- Arasaratnam, S. 1979. *Indians In Malaysia And Singapore*. Kuala Lumpur: Institute of Race Relations, Oxford University Press.
- Beauchamp, G A. 1975. *Curriculum Theory* (3rd ed.). Wilmette, Ill.: Kagg Press.
- Boon, K. C. 1983. *Red Star Over Malaya: Resistance and Social Conflict During and After the Japanese Occupation of Malaya, 1941-1946*. Singapore: Singapore University Press, National University of Singapore.
- Dass, D. S. 1972. *Tamil Education In West Malaysia And Singapore: 1860-1970*. (Master's thesis), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Hairol Anuar, M. D. (2009). *Sejarah Malaysia, 1400-1969: Satu Evolusi*. Selangor: Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Akademik, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Idris Jauzi, M. 1991. *Reformasi Pendidikan Di Malaysia* (Vol. Edisi Pertama). Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Ishak Ramly. 2005. *Inilah Kurikulum Sekolah*. Pahang: PTS Professional Pub.
- Jamil Ahmad. 2008. Pentadbiran dan Pengurusan Sistem Pendidikan Malaysia ke Arah Pendidikan Berkualiti. *Sastera dan Pendidikan*, 2 (Universiti Putra Malaysia).
- Johnson, M. 1967. Definitions and Models in Curriculum Theory. *Educational Theory*, 17(2), 127-140.
- K.D. Marie Njanapragasam, P. 1887. *Applies For The Post Of Tamil Schoolmaster/Books Used In School*. (1957/0007540W). ARKIB NEGARA, MALAYSIA.
- Kanthan, A. 1979. *Malēciyāvil Tamil Paḷḷiyum Tamil Kalviyum*. Perak: Tamil Membathu Iyakkam Sungai Samun.
- Karthegees Ponniah. 2005. *Komponen Sastera Tamil dalam Mata Pelajaran Bahasa Tamil di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil*. (Master's thesis ), University of Malaya, Kuala Lumpur.
- KPM. 2016. *Kegemilangan 200 Tahun Pendidikan Tamil Di Malaysia*. Kementerian Pendidikan Malaysia. Putra Jaya. Malaysia
- Krishanan, M. 1993. *Cerpen Tamil Dan Melayu, 1957-1970: Perbandingan Tema Dan Struktur*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.



- Kulandasamy.R. 1990. *Persepsi Murid Terhadap Pengajaran Bahasa Tamil Di Sekolah Menengah*. (Masters thesis (Tidak Diterbitkan)), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Lovat, T. J. 1998. Ethics and Ethics Education: Professional and Curricular Best Practice. *CURRICULUM PERSPECTIVES*, 18(1), 1-8.
- Maniyarasan, M. 2007. Kata Pinjaman Bahasa Melayu dalam Bahasa Tamil Di Malaysia: Satu Kajian Semantik Dalam Antologi *Jurnal Peravaik Kathaigal*, 3(Jabatan pengajian India, Universiti Malaya: Kuala Lumpur).
- Marimuthu, P. 2010. *Penukaran Kod Di Kalangan Guru-Guru Sains Di Sekolah Tamil* (Ijazah Sarjana Pengajian Bahasa Moden (Tidak Diterbitkan)), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Marsh, C. J., & Willis, G 2003. *Curriculum: Alternative Approaches, Ongoing Issues* (4th ed.). Upper Saddle River, N.J: Pearson/Merrill Prentice Hall.
- Mior Khairul Azrin, M. J. 2011. Sistem Pendidikan Di Malaysia: Dasar, Cabaran, dan Pelaksanaan ke arah Perpaduan Nasional. *SosioHumanika*, 4(1).
- Nadeson , S. 2011. *Penukaran Dan Pembauran Kod Dalam Kalangan Pelajar Tamil Sekolah Menengah*. (Ijazah Sarjana (Tidak Diterbitkan)), University of Malaya, Kuala Lumpur.
- Netto, G 1961. *Indians in Malaya: Historical Facts and Figures*. Singapore: The Author.
- P.S.Vengadesan. 1987, Malayavil Tamil Kalvi. *Prosiding Persidangan-Seminar Antarabangsa Tamil ke-6*. Pertubuhan Persatuan Antarabangsa untuk Tamil, Malaysia. Kuala Lumpur.
- Pinar, W. 1995. *Understanding Curriculum: An Introduction to the Study of Historical and Contemporary Curriculum Discourses*. New York: Peter Lang Publishing.
- Rajendran, N.S. 2006. *Pengekalan Dan Penghilangan Bahasa Tamil Di Malaysia Akibat Dasar Bahasa Kebangsaan*. (Sarjana Pendidikan (Tidak Diterbitkan)), Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjong Malim.
- Rajentheran, N. S. 2008. Malaysiavil Tamil Mozhi Payanpaadum Karpithalum. *Tamilar Thirunaal*, 2.
- Robinson, A. S. 1971. *Curriculum Building* (Vol. 2). New York: Macmillan and Free Press.
- Rudner, M. 1977. *Education, development and change in Malaysia*. Kyoto: Kyoto University, Centre for South East Asian Studies.
- Samathilingam Sathiaselan. 2006. *The Jaffna Tamils and Malaya Migration*. Ayodhya Library Service. Sri Lanka.
- Sandhu, K. S. 1969. *Indians in Malaya: Some Aspects of their Immigration and Settlement (1786-1957)*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Saraswathi , C. 2003. *Perkembangan pendidikan Tamil di Selangor sebelum Merdeka*. (Ijazah Sarjana Sejarah (Tidak Diterbitkan)), University Of Malaya, Kuala Lumpur.
- Subramani Soniah. 2018. Tamil Education after Independence and its Development. *Journal of Department of Indian Studies*. Department of Indian Studies. University of Malaya. Kuala Lumpur. Vol.11. (9-39).
- Tan, Y. S. 2010. *Isu Bahasa, Etnik, Dan Pembinaan Negara Bangsa Dalam Sistem Pendidikan Malaysia*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Thambirajah, M. 1978. *Malaysia Dalam Sejarah*. Singapore: Federal Publications.
- Thamilanban, S. 2011. *Analisis kohesi dalam karangan bahasa Tamil pelajar tingkatan tiga* (Ijazah Sarjana (Tidak Diterbitkan)), University of Malaya, Kuala Lumpur.
- Thilagavathy, K. 2006. *Pelaksanaan sistem pendidikan Jepun di Tanah Melayu 1941-*

1945. (Master's thesis), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Thompson, V., & Adloff, R. 1970. *Minority problems in Southeast Asia*. New York: Russell & Russell.
- Utaman, R. 2009. *Perbandingan pencapaian pembelajaran bahasa tamil di dalam kelas biasa dan kelas POL*. (Ijazah Sarjana), Universiti Of Malaya, Kuala Lumpur. (Belum Diterbitkan)
- Zainal Abidin Zainuddin, & Afrinaleni Suardi. 2011. Keberkesanan Kaedah Konstruktivisme Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Matematik *Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia* 7.
- Zeti Aktar, J. 2008. *Abdullah Hussain Dalam Esei Dan Kritikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

#### **DOKUMEN-DOKUMEN ARKIB**

- Asks To Obtain Some Elementary Books On Tamil From The Tamil Schools Singapore*. (1889, 27/06/1889). (1957/0015745W). Arkib Negara, Malaysia.
- Federated Malay, S. 1905. *The System Of Education In The Federated Malay States*. London: H.M.S.O.
- Federated Malay States (F.M.S.) Annual Report - 1914*. 1914. (2006/0012999W). Arkib Negara, Malaysia.
- Federated Malay States (F.M.S.) Annual Report - 1923*. 1923. (2006/0013008W). Arkib Negara, Malaysia.
- Hours Of Study Of Tamil Schools On Estates*. 1915. (1957/0182555W). Arkib Negara Malaysia.
- Perangkaan Tahun 1956, dipetik daripada "*Federal of Malaya Annual Education Report For 1956*".
- Provision In The Federal Estimates, 1936, For Appointment Of "Inspector Of Tamil School"*. (1936, 15/01/1936). (1957/0455943W). Arkib Negara, Malaysia.
- Syllabus For The Teaching Of Tamil In English Schools*. 1947, 09/04/1947. (1990/0013290W). Arkib Negara, Malaysia.
- This Is The Annual Reprint Of The List Of Text Books Recommend For Tamil Schools*. 1939. (No.50 in D. of E. 949/29). Arkib Negara, Malaysia.
- Yearly Examination Of The British Malaya Tamil School*. 1932, 18/07/1932. (1957/0275291W). Arkib Negara, Malaysia.